



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اونيورسيٲى فنډيدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

# *Sijil Penghargaan*

*Dengan ini disahkan bahawa*

**PROF MADYA DR SURIANI ABU BAKAR  
(PENGARAH)**

*Telah menjayakan*

**PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT  
'A DAY AS A JUNIOR SCIENTIST'  
SEKOLAH RENDAH INTEGRASI TERAS ISLAM  
SLIM RIVER, PERAK**

*Yang telah diadakan pada*

**7 SEPTEMBER 2016**

*Bertempat di*

**JABATAN FIZIK  
FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

*Prof Madya Dr Zulkifley Mohamed*

*Dekan*

*Fakulti Sains dan Matematik*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*





## MEMO

Kepada : Prof. Madya Dr. Suriani Abu Bakar  
Jabatan Fizik

Daripada : Dekan

Ruj. Kami : UPSI/FSM/D/2016/448 (71)

Tarikh : 18 Julai 2016 / 13 Syawal 1437H

### **KELULUSAN KERTAS CADANGAN PROGRAM 'A DAY AS A JUNIOR SCIENTIST', 7 SEPTEMBER 2016**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Fakulti telah meneliti dan meluluskan Kertas Cadangan Program 'A Day as a Junior Scientist' **tanpa menggunakan sebarang peruntukan daripada Fakulti mahupun Jabatan Fizik.**

3. Sehubungan dengan itu, puan tidak dibenarkan untuk membuat pindaan/mengubah pelaksanaan program berdasarkan kertas cadangan yang diluluskan kecuali dengan mendapatkan kebenaran bertulis daripada Dekan dengan menyertakan justifikasi yang munasabah.

4. Kerjasama dan jasa baik pihak puan juga dipohon untuk **menghantar Laporan Program (beserta gambar) dalam bentuk 'hardcopy' dan 'softcopy' kepada pihak Fakulti sekurang-kurangnya dua (2) minggu selepas program ini diadakan.**

Sekian, terima kasih.

**"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"  
"MEMUPUK MINDA KREATIF"**

Saya Yang Menjalankan Tugas,



**(PROF. MADYA DR. ZULKIFLEY MOHAMED)**

s.k - Ketua Jabatan Fizik, FSM  
- Timbalan Pendaftar, FSM  
- En. Syed Mohamad Nor Syed Mohamad  
- Fail



## **LAPORAN PROGRAM**

### **“A DAY AS A JUNIOR SCIENTIST”**



Pelaksana : PM. Dr. Suriani Abu Bakar  
PM. Dr. Azmi Mohamed  
Hari/tarikh : Rabu, 7 September 2016  
Masa : 7.30 pagi – 1.00 tgh hari  
Tempat : Makmal pengajaran 2 dan 3  
Blok 5, UPSI

**JABATAN FIZIK**  
**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK**  
**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**  
**2016**

**LAPORAN PROGRAM**  
**“A DAY AS A JUNIOR SCIENTIST”**  
**JABATAN FIZIK, FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK**

---

---

**1. Pengenalan**

Keprihatinan, kepedulian dan penglibatan pelajar dalam hal-hal kemasyarakatan adalah merupakan satu elemen penting dalam PdP para pelajar khususnya di peringkat universiti. Pelajar ialah golongan berpelajaran yang merupakan sebahagian anggota masyarakat juga bakal mewarisi kepemimpinan dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat. Oleh itu mereka perlu berinteraksi dan memahami masyarakatnya. Memahami masyarakat bererti memahami keadaan, keperluan dan aspirasi mereka. Tanpa kefahaman ini bagaimana mungkin pelajar menjadi anggota dan pemimpin masyarakat kelak.

Kefahaman dan kesedaran tentang masyarakat ini tidak cukup hanya melalui bacaan, perbincangan di bilik dan dewan kuliah semata-mata, atau penyelidikan tanpa melibatkan interaksi dengan masyarakat secara sebenar. Semua itu penting dan membantu, tetapi ia juga memerlukan suatu bentuk penglibatan pelajar secara konkrit di peringkat lapangan.

Dalam kata lain, pelajar perlu turun padang, mengerjakan sesuatu yang berfaedah bersama-sama komuniti. Cara ini memberi peluang kepada pelajar untuk lebih memahami masyarakatnya. Bagi pelajar, penglibatan dalam kerja kemasyarakatan, disebabkan ia suatu tindakan yang menggunakan pelbagai deria, memungkinkan pembelajaran berlaku secara yang lebih berkesan. Selain itu, sudah semestinya melalui kegiatan seperti ini pelajar diberi sepenuh peluang dan galakan untuk merancang, membuat persiapan, melaksanakan dan menilai program yang dijalankan. Ini juga menjamin proses pembelajaran yang lebih berkesan kepada pelajar. Tambahan pula universiti juga bertindak sebagai pusat ilmu seharusnya berfungsi dan menyumbang kepada masyarakatnya. Universiti bukan menara gading yang bersikap tidak ambil pusing atau berkecuali terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat. Keprihatinan dan penglibatan pelajar dan juga pensyarah dalam hal-hal kepentingan masyarakat bererti pelajar dan universiti memahami dan peka akan peranan mereka yang sepatutnya.

Selain dari itu dengan adanya program seperti ini, murid-murid sekolah rendah dapat mendekati ilmu Sains dan Teknologi dengan lebih dekat lagi. Selain dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan ilmu sains sejak dari zaman kanak-kanak. Bak kata orang-orang tua, 'melentur buluh biarlah dari rebung'. Aktiviti seperti ini perlu kerap dijalankan untuk memberi penekanan terhadap Sains di peringkat awal ini adalah kerana generasi muda hari ini dilihat kurang cenderung untuk berkecimpung dalam bidang Sains dan menganggap bidang Sains itu sukar.

Maka melalui Program *A Day As a Junior Scientist* yang melibatkan murid-murid Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam, Slim River, Perak dan pelajar Diploma Kursus Basic Physics I (SFU 1013) merupakan inisiatif pensyarah kursus untuk menyediakan wadah interaksi ilmiah di kalangan pelajar universiti dan murid-murid sekolah tersebut. Ini akan dapat membantu pelajar dalam menggabungkan unsur-unsur teori yang di perolehi di dalam dewan kuliah dengan amalan yang sistematik apabila pelajar perlu membantu menerangkan dan memupuk minat terhadap Sains di kalangan murid-murid sekolah rendah.

## **2. Tujuan**

Tujuan diadakannya program ini adalah:

- a. Menambah minat murid-murid sekolah rendah untuk belajar dan memahami sains melalui eksperimen-eksperimen yang ditunjukkan.
- b. Memberikan peluang dan ruang bagi pelajar diploma untuk mengimplementasikan ilmu yang diperolehi semasa kuliah.
- c. Melatih dan membina keyakinan diri pelajar Diploma bagi kursus SFU1013 untuk membuat pembentangan dan berinteraksi dengan murid-murid sekolah rendah secara sistematik dan berkesan.
- d. Memupuk dan menghidupkan budaya mencintai ilmu terutamanya ilmu Sains di kalangan generasi muda yang seharusnya dimulakan di peringkat kanak-kanak lagi.
- e. Memberi pendedahan dan berfungsi sebagai wadah interaksi di kalangan pelajar UPSI dengan masyarakat sekeliling.

### **3. Aktiviti**

Aturcara dan kegiatan yang dilakukan dalam program “*A Day as A Junior Scientist*” diberikan pada Lampiran 1 dan 2.

### **4. Kumpulan sasaran: semua pelajar**

Program “*A Day as A Junior Scientist*” adalah disasarkan kepada murid-murid sekolah rendah bagi memupuk minat terhadap sains di kalangan murid-murid seawal tahun 2. Murid-murid dari Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI), Slim River, Perak, Malaysia telah dijemput untuk menghadiri program pada kali ini.

### **5. Pelaksanaan**

Program “*A Day as A Junior Scientist*” dilaksanakan pada;

Hari/tarikh : Rabu/7 September 2016

Waktu : 7.30 pagi – 1.00 tgh hari

Tempat : Makmal pengajaran 2 dan 3

Jabatan Fizik, Fakulti Sains dan Matematik

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tanjung Malim, Perak.

## 6. Penutup

Setelah program dilaksanakan, murid-murid sekolah rendah menunjukkan minat yang tinggi terhadap sains. Hal ini ditunjukkan berdasarkan banyaknya murid yang mengajukan pertanyaan selama demonstrasi berlangsung serta keinginan yang tinggi untuk mencuba sendiri. Program "*A Day as A Junior Scientist*", dilihat dapat memberikan manfaat bagi semua pihak yang terlibat, khususnya kepada murid-murid SRITI, Slim River, Perak. Untuk cadangan penambahbaikan pada masa yang akan datang, diperlukan ruang yang lebih luas untuk menampung bilangan murid yang ramai sehingga kegiatan boleh dijalankan dengan lebih kondusif. Program ini akan diadakan pada masa akan datang dan melibatkan sekolah-sekolah lain di sekitar Tanjung Malim, Perak.

## 7. Lampiran kegiatan

### a. Lampiran 1 (Aturcara Program “A Day as A Junior Scientist”)

Tarikh	Masa	Aktiviti	Catatan
7 Sept 2016	8.00 pg	Bertolak ke Jabatan Fizik, UPSI	Berjalan seperti dijangkakan, bas bergerak dari UPSI pada jam 7.00 pagi.
	8.30 pg	Murid-murid sampai ke Jabatan Fizik, UPSI	Berjalan seperti dijangkakan.
	8.35-9.00 pg	Sesi pendaftaran, sarapan pagi, edaran air kotak dan coklat kepada murid-murid dari Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam, Slim River, Perak.	Murid-murid dijamu dengan nasi lemak semasa sesi sarapan sebagai persediaan untuk program.
	9.00-9.20 pg	Kata aluan dari Pengerusi: PM. Dr. Suriani Abu Bakar dan Bacaan Doa oleh Ustaz dari Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam, Slim River, Perak.	Berjalan seperti dijangkakan.
	9.30-12.30 tgh hari	Program <i>A Day As a Junior Scientist</i> bersama pensyarah dan pelajar Diploma Kursus Basic Physics I (SFU 1013).	Berjalan seperti dijangkakan.
	12.30 – 1.30 ptg	Sesi motivasi dan penggulungan oleh penceramah jemputan PM. Dr. Azmi Mohamed dan penyerahan sijil penghargaan oleh PM. Dr. Suriani Abu Bakar dan PM. Dr. Azmi Mohamed dan penyertaan kepada guru pengiring dan murid-murid dari Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam, Slim River, Perak.	Berjalan seperti dijangkakan.
	1.30 ptg	Majlis bersurai	Murid-murid bergerak pulang ke SRITI



**b. Lampiran 2 (Gambar Kegiatan)**



Murid-murid SRITI tiba di Jabatan Fizik, UPSI.



Murid-murid dan guru pembimbing sedang menikmati sarapan pagi.



Perwakilan dari murid lelaki SRITI sedang mencuba eksperimen "roket air".



Perwakilan dari murid perempuan SRITI sedang mencuba eksperimen "roket air".



Murid lelaki SRITI sedang menyaksikan demonstrasi dari PM. Dr. Suriani Abu Bakar bersama pelajar Diploma UPSI.



Murid perempuan SRITI sedang menyaksikan demonstrasi dari PM. Dr. Suriani Abu Bakar bersama pelajar Diploma UPSI.






Demonstrasi dari PM. Dr. Suriani Abu Bakar bersama pelajar Diploma UPSI.pelajar Diploma.



Demonstrasi dari PM. Dr. Suriani Abu Bakar bersama pelajar Diploma UPSI.pelajar Diploma.



Pelajar Diploma berinteraksi dan bertanya untuk menggalakkan daya fikir murid-murid dari SRITI.



Murid-murid SRITI sedang mencuba demonstrasi yang ditunjukkan.



Salah satu demonstrasi yang ditunjukkan “floating eggs”.



Salah satu demonstrasi yang di tunjukkan “parachute”.



Sesi motivasi oleh PM. Dr. Azmi Mohamed.



Sesi motivasi oleh PM. Dr. Azmi Mohamed.



Pemberian sijil kepada murid oleh PM. Dr. Suriani Abu Bakar.



Pemberian sijil kepada murid oleh PM. Dr. Suriani Abu Bakar.



Pemberian sijil kepada murid lelaki oleh PM. Dr. Suriani Abu Bakar.



Pemberian sijil kepada murid lelaki oleh PM. Dr. Azmi Mohamed.





Pemberian hadiah kepada murid-murid terbaik semasa kegiatan berlangsung.



Pemberian hadiah kepada murid-murid terbaik semasa kegiatan berlangsung.



Murid-murid bergerak balik ke SRITI, Slim River.



Murid-murid bergerak balik ke SRITI, Slim River.



Urusetia yang terlibat dalam program.



Seluruh pihak yang terlibat dalam program "A Day as A Junior Scientist".

## 8. Urusetia Program Wacana Ilmu Fizik

### Pensyarah

1. Prof. Madya Dr. Suriani Abu Bakar
2. Prof. Madya Dr. Azmi Mohamed

### Pelajar

1. Pelajar Sarjana dan PhD
2. Pelajar Diploma Kursus SFU1013  
Kumpulan Kuliah A, B dan C

**Disediakan oleh:**

**PM. Dr. Suriani Abu Bakar**

Jabatan Fizik  
Fakulti Sains dan Matematik  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim, Perak



DR. SURIANI ABU BAKAR  
ASSOCIATE PROFESSOR  
PHYSICS DEPARTMENT  
FACULTY OF SCIENCE & MATHEMATICS  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS